

ANUGERAH KEWARTAWANAN HIJAU NEGERI PULAU PINANG 2023

Syarat dan Peraturan Rasmi

1. Penyertaan terbuka kepada
 - a) wartawan dan jurugambar yang berkhidmat dengan mana-mana organisasi media cetak dan media *online* yang beroperasi di Malaysia atau berdaftar dengan **Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM)**, ATAU
 - b) penulis *freelance* dengan karyanya diterbitkan dalam mana-mana media cetak atau media online (**untuk SEKSYEN A SAHAJA**)
 - c) Pelajar universiti / kolej dari Fakulti Komunikasi / Media Massa yang berumur 18 tahun ke atas dan yang masih menuntut sebagai pelajar di institusi pengajian tinggi (**untuk SEKSYEN C SAHAJA**)
2. Anugerah ini dibahagikan kepada TIGA seksyen:
 - **Seksyen A: Penulisan Rencana**
 - Cerita bertema yang mempunyai nilai berita, karya boleh berasaskan siri atau tidak bersiri.
 - **Seksyen B: Foto Kewartawanan**
 - **Seksyen C: Kewartawanan Muda**
3. Peserta boleh menghantar maksimum TIGA penyertaan untuk setiap seksyen, tetapi setiap peserta **HANYA layak untuk memenangi SATU (1) hadiah sahaja dalam SETIAP SEKSYEN.**
4. Isi kandungan karya kewartawanan hendaklah memberi penekanan kepada **alam sekitar dan persekitaran yang mampan di Negeri Pulau Pinang**, mendokumentasikan bagaimana faktor-faktor sosial, alam sekitar dan ekonomi mentransformasi masyarakat dan kehidupan manusia pada masa kini.
5. Bagi seksyen A, semua karya kewartawanan hendaklah diterbitkan dalam mana-mana **akhbar, majalah, portal berita** organisasi media **dari 1hb Jun 2022 hingga 31hb Mei 2023.**
6. Bagi Seksyen C, karya yang dihantar oleh pelajar **MESTI** terlebih dahulu diterbitkan di majalah / surat khabar / lawang sesawang / akhbar atau majalah digital / media sosial rasmi universiti atau kolej **dari 1hb Jun 2022 hingga 31hb Mei 2023.**
7. Karya penyertaan **media online, media bercetak** dan **foto kewartawanan** hendaklah dikemukakan dalam **bentuk PDF** kepada penangpgc@gmail.com sebelum atau pada **31hb Julai 2023.**
8. Untuk wartawan dan jurugambar, semua borang penyertaan hendaklah **disahkan** oleh **Ketua Pengarang** atau **wakil daripada organisasi.** Bagi Seksyen C, penyertaan hendaklah **disahkan oleh Fakulti atau pensyarah.**
9. Pemenang akan diumumkan pada bulan September 2023 melalui Facebook Penang Green Council.
10. Semua bahan penyertaan yang dihantar adalah hak milik pihak penganjur dan rakan sokongan. Pihak penganjur dan penaja berhak untuk menggunakan/ menerbitkan / menghasilkan semula / mempamerkan penyertaan tersebut dalam sebarang bentuk media atau medium, sama ada dalam atau luar negara tanpa sebarang pemberitahuan terlebih dahulu atau bayaran kepada peserta.
11. Penganjur berhak untuk membatalkan mana-mana terma dan syarat di atas jika terdapat pertikaian yang berkaitan dan/ atau membatalkan penyertaan yang tidak mematuhi terma dan syarat di atas.

12. Keputusan pengadil adalah **MUKTAMAD** dan sebarang pertanyaan / rayuan tidak akan dilayan.
13. Pihak penganjur berhak untuk memutuskan **TIADA** pemenang dan juga **TIDAK** memberi hadiah seperti yang disenaraikan di bawah.
14. Pihak penganjur berhak untuk mengganti atau menukarkan hadiah dengan hadiah lain yang bernilai komersial sama tanpa memberikan sebarang notis awal.
15. Dengan menyertai peraduan ini, peserta dianggap telah bersetuju dengan semua terma dan syarat serta bersetuju mengecualikan Penang Green Council dan penaja daripada mana-mana tuntutan undang-undang atau sebaliknya.

KRITERIA PENILIAN

Seksyen A & C: Penulisan Rencana & Kewartawanan Muda

1. Penyertaan boleh dihantar dalam Bahasa Melayu, Bahasa Inggeris, Bahasa Cina atau Bahasa Tamil.
2. Bagi karya-karya kewartawanan yang dihasilkan dalam Bahasa Cina dan Bahasa Tamil, peserta juga perlu menyediakan sinopsis karya dalam **Bahasa Melayu** atau **Bahasa Inggeris** yang tidak melebihi 100 patah perkataan.
3. Untuk terbitan karya yang bersiri, setiap salinan artikel mestilah disusun mengikut turutan.
4. Penyertaan akan dinilai berdasarkan garis panduan seperti berikut:

Kriteria	Markah Penuh (%)
Nilai Berita Hijau <ul style="list-style-type: none"> - Kepentingan / kesan dari perspektif alam sekitar - Unsur-unsur penyiasatan 	30
Fakta (informasi) dan Kualiti Penyelidikan <ul style="list-style-type: none"> - Memperkukuhkan cerita dengan: <ul style="list-style-type: none"> o Sekurang-kurangnya DUA (2) sumber utama, dan o Sekurang-kurangnya DUA (2) sumber sekunder - Latar belakang dan konteks - Ketepatan dan konsistensi: informasi, nama dan gelaran (penalti maksimum: -10%) 	30
Kualiti Penulisan <ul style="list-style-type: none"> - Tema: jelas dan koheren (10%) - Aliran: Cara membawa, <i>nutgraph</i>, peralihan dan penamatan (<i>ending</i>) (15%) - Anekdot dan <i>quote</i> (15%) - Tatabahasa, perbendaharaan kata dan ejaan (penalti maksimum: -10%) 	40
JUMLAH	100

KRITERIA PENILAIAN

Seksyen B: Foto Kewartawanan

1. Setiap penyertaan dibenarkan untuk mengemukakan satu/ gambar bersiri yang tidak melebihi lima imej.
2. Foto harus menunjukkan perkara dan tempat kejadian dengan tepat. Gambar-gambar yang telah diubahsuai secara digital di luar standard pengoptimuman akan dibatalkan kelayakan.
3. Gambar-gambar yang dikemukakan mesti disertai bersama kapsyen, subjek imej, tarikh imej ditangkap dan nama jurugambar atau wartawan.
4. Semua peserta perlu mengemukakan salinan borang peraduan dan salinan imej ke penangpgc@gmail.com

1. Penyertaan akan dinilai berdasarkan garis panduan seperti berikut:

Kriteria	Markah Penuh
Kesan visual	30
Nilai berita	30
Kecemerlangan teknikal	20
Tarikan umum	10
Ketulenan dan penyuntingan	10
Jumlah	100

Hadiah:

Seksyen A: Penulisan Rencana
Hadiah Cemerlang: Wang Tunai RM 2,000 & Sijil Penghargaan <i>*SATU hadiah bagi setiap Bahasa Melayu, Bahasa Inggeris, Bahasa Cina dan Bahasa Tamil</i>
Seksyen B: Foto Kewartawanan
Tempat Pertama : RM 1,200 & Sijil Penghargaan
Tempat Kedua : RM 1,000 & Sijil Penghargaan
Tempat Ketiga : RM 800 & Sijil Penghargaan
Seksyen C: Kewartawanan Muda
Hadiah Cemerlang: Wang Tunai RM 2,000 & Sijil Penghargaan <i>*SATU hadiah bagi setiap Bahasa Melayu, Bahasa Inggeris, Bahasa Cina dan Bahasa Tamil</i>

HUBUNGI KAMI:

Penang Green Council (PGC Strategies Sdn Bhd)
Tingkat 46, KOMTAR,
10503 Pulau Pinang, Malaysia.
TEL: +604-250 3322
FAX: +604-250 3323